



**PERUTUSAN MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI SEMPENA
HARI HUTAN ANTARABANGSA 2020
21 MAC 2020**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera

Pada tahun 2012, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengisyiharkan tarikh 21 Mac setiap tahun sebagai Hari Hutan Antarabangsa. Sambutan Hari Hutan Antarabangsa diadakan bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kawasan hutan sebagai satu sumber yang perlu diuruskan secara mampan dan berkekalan. Hutan juga merupakan elemen penting dalam mitigasi perubahan iklim dan pelepasan gas rumah kaca dan oleh itu, pemeliharaan dan pemuliharaan hutan juga amat penting bagi mengurangkan kesan perubahan iklim yang semakin dirasai pada masa kini. Justeru, Sambutan Hari Hutan ini, memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan untuk memelihara dan memulihara khazanah hutan serta memupuk kesedaran untuk lebih menghargai hutan.

Hutan tropika di Malaysia juga merupakan khazanah negara yang penting dalam menjamin kestabilan ekosistem dan berkait rapat dengan pembangunan sosioekonomi negara. Kawasan hutan perlu diuruskan secara sistematik kerana tanpa kawalan, ia akan menggugat kestabilan alam sekitar yang boleh mengakibatkan bencana alam seperti banjir, kebakaran hutan, kemarau, tanah runtuh, hakisan pantai dan kehilangan habitat hidupan liar. Sehubungan itu, kawasan hutan perlu dipelihara dan dipulihara serta diurus secara berkekalan agar khazanah ini terus kekal untuk manfaat generasi kini dan akan datang selaras dengan Sasaran ke-15 di bawah *Sustainable Development Goals* (SDG) 2030.

Sehingga kini, Malaysia masih mengekalkan lebih daripada 50% daripada keluasan tanah negara dengan kawasan berhutan dan dilitupi pokok-pokok selaras dengan komitmen negara di peringkat antarabangsa. Namun begitu, usaha bagi mengekalkan pencapaian ini bukanlah mudah dan amat mencabar memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang pesat membangun.

Tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa tahun 2020 ialah “**Forests and Biodiversity**” atau “**Hutan dan Biodiversiti**”. Hutan merupakan habitat dan ekosistem yang mempunyai biodiversiti yang paling tinggi di mana ia menjadi habitat kepada 80% spesies haiwan, tumbuh-tumbuhan dan serangga terrestrial.

Kementerian akan terus bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha untuk memelihara dan memulihara kawasan berhutan seperti projek *Central Forest Spine* (CFS), inisiatif *Heart of Borneo* (HoB), program-program restorasi serta penanaman pokok di seluruh negara. Komitmen, sokongan dan kerjasama oleh Kerajaan-kerajaan Negeri adalah amat penting dalam usaha pemeliharaan hutan dan biodiversiti. Bagi mengukuhkan lagi ekosistem sedia ada, Kementerian akan terus menyusun atur dasar, strategi dan tindakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun secara mampan melalui penekanan kepada pengurusan sumber asli secara lestari berpaksikan kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Akhir kata, sebagai rakyat Malaysia, kita harus bersyukur kerana kita telah dianugerahkan dengan sumber hutan yang kaya dengan biodiversiti yang telah berusia lebih jutaan tahun. Saya berharap agar sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini dapat mengingatkan kita tentang **kepentingan hutan yang merupakan khazanah yang tidak ternilai dan betapa perlunya kita untuk memelihara hutan kita** demi kesejahteraan hidup generasi kini dan akan datang.

Selamat Menyambut Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2020 dengan tema “Hutan dan Biodiversiti.”

**DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI
21 MAC 2020**